

17 MAY 2002

DPMM-CHINA

USAHAWAN MUDA BUMIPUTERA PERLU LUASKAN DAGANGAN KE CHINA

Oleh: Mohd Kamel Othman

DALIAN, 17 Mei (Bernama) -- Dewan Muda, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) akan memberi penekanan untuk mengalakkan usahawan muda Bumiputera Malaysia memperluaskan rangkaian perniagaan mereka ke China.

Pengerusi Biro Perdagangan Dewan Muda DPMM, Shafiq Shamsuddin berkata usaha itu perlu memandangkan dalam era globalisasi pada masa ini, tumpuan tidak seharusnya diberikan kepada pasaran tempatan sahaja.

Beliau berkata, bidang-bidang yang boleh diadakan kerjasama perdagangan ialah bidang elektronik, prisihatin (penjagaan kesihatan), pendidikan, tekstil, makanan halal, serta barangan keluaran kelapa sawit dan kayu.

"Kita perlu melihat dunia sebagai satu pasaran dan China adalah antara jawapannya kerana pasarannya amat luas," katanya kepada Bernama di sini.

Shafiq, yang juga Pengarah Urusan Isbec Sdn Bhd sebuah syarikat perusahaan fabrik tenunan, berkata usahawan muda Bumiputera perlu lebih fokus dalam memilih bidang perniagaan yang mereka ingin ceburi.

Dewan Muda yang dilancarkan pada 11 Jan lepas oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai lebih 1,000 anggota, yang rata-rata berusia bawah 35 tahun.

"Jika kita ingin maju dan bersaing, lihatlah kepada China. Peluang-peluang yang ada begitu banyak," kata Shafiq, yang merupakan salah seorang daripada anggota misi galakan perdagangan dan pelaburan Malaysia ke China.

Misi galakan perdagangan dan pelaburan selama 10 hari itu di ketuai oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz. Sebelum ke Dalian, rombongan itu telah melawat Shanghai dan akan berlepas ke Beijing, Sabtu ini.

Beliau juga berkata penubuhan cawangan Maybank di Shanghai akan memudahkan lagi kerjasama perdagangan antara usahawan Malaysia dan rakan niaga China terutamanya berhubung soal transaksi kewangan.

Shafiq mencadangkan agar lebih banyak misi galakan seperti ini diadakan khususnya oleh dewan-dewan perniagaan di Malaysia untuk memberi peluang perniagaan kepada ahli-ahli perniagaan Malaysia.

Beliau menyifatkan misi galakan kali ini sebagai amat memberangsangkan memandangkan sambutan ahli perniagaan China pada seminar-seminar yang diadakan di Shanghai dan Dalian di luar dugaan.

"Ramai yang menunjukkan minat untuk mengadakan kerjasama memandangkan Malaysia antara negara pengeluar barangan yang berkualiti."

Shafiq berkata, ahli perniagaan China boleh membawa masuk barangan mentah untuk diproses sebagai barangan siap yang berkualiti untuk dieksport terutamanya ke negara-negara Asean di samping meraih insentif yang disediakan dengan berkuatkuasanya Kawasan Dagangan Bebas Asean (AFTA) pada Januari 2003.

Menurutnya, soal untuk mengesport barangan tidak menjadi masalah kerana terdapatnya pelabuhan-pelabuhan dan lapangan terbang di Malaysia yang tersenarai sebagai antara yang terbaik di dunia.

Asean dianggotai Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam. Rantau Asean mempunyai lebih 560 juta penduduk. -- BERNAMA

MKO NHD